



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
PULAU PINANG

PEKELILING TIMBALAN REKTOR (AKADEMIK)
BIL. 7/2020

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera

Kepada;
Semua Pensyarah
UiTM Cawangan Pulau Pinang
Kampus Permatang Pauh
Kampus Bertam

YBhg. Prof/ Prof. Madya/Dr./Tuan/Puan,

**ARAHAN MENERAPKAN KEFAHAMAN TERHADAP FALSAFAH PENDIDIKAN
NEGARA DALAM KALANGAN PELAJAR DI KAMPUS UiTM CAWANGAN PULAU
PINANG BERMULA 16 OKTOBER 2020**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sejalan dengan arahan Rektor UiTM Cawangan Pulau Pinang, perjalanan pengajaran dan pembelajaran adalah seperti berikut:

- I. Sebelum setiap kali aktiviti kuliah dimulakan, pensyarah perlu menyampaikan falsafah pendidikan negara kepada pelajar kerana ianya adalah satu teras kepada sistem pendidikan di negara ini dan memberi penekanan kepada perkembangan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan.
- II. Usaha ini adalah bagi melahirkan warga UiTM yang berilmu pengetahuan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.
- III. Dengan ini, semua pihak terlibat adalah diminta untuk mengambil maklum, menghayati dan melaksanakan tindakan yang berkaitan untuk melancarkan proses pembelajaran ini.

3. Kerjasama dan perhatian semua adalah amat diharapkan dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian

Yang benar,

PROF MADYA IR. DR. AHMAD RASHIDY RAZALI
Timbalan Rektor (Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa)

Surat Kami : 100-UiTMPP(HEA.6/7/1)
Tarikh : 16 Okt 2020

FALSAFAH PENDIDIKAN NEGARA

1. Latar Belakang

Penyata Razak (1956) dan Laporan Rahman Talib (1960) menjadi asas kepada pembentukan sistem dan Dasar Pelajaran Kebangsaan seperti termaktub dalam Akta Pelajaran 1961. Ketiga-tiga dokumen ini menegaskan perpaduan sebagai matlamat utama negara. Di samping itu usaha-usaha juga mesti dilaksanakan untuk memajukan aspek-aspek pembangunan bangsa dan negara meliputi kebudayaan, sosial, ekonomi dan politik. Kemajuan dalam aspek-aspek ini bertujuan untuk mempercepat serta memperkukuhkan cita-cita ke arah mewujudkan perpaduan negara.

Usaha-usaha ke arah mewujudkan perpaduan menjadi semakin mendesak apabila berlakunya tragedi 13 Mei 1969. Kerajaan telah membentuk Dasar Ekonomi Baru yang bertujuan untuk menghapuskan kemiskinan dan pengenalan kaum mengikut pekerjaan. Di samping itu digubal Rukunegara yang menggariskan lima rukun sebagai asas pegangan dan panduan setiap rakyat di negara ini.

Di bidang pendidikan, satu jawatankuasa kabinet telah ditubuhkan pada tahun 1974 untuk mengkaji pelaksanaan dasar pelajaran kebangsaan. Dalam Laporan jawatankuasa ini matlamat perpaduan ditegaskan semula. Di samping itu Laporan ini juga meluaskan lagi matlamat pendidikan negara meliputi:

“ matlamat negara ke arah melahirkan masyarakat yang bersatupadu, berdisiplin dan terlatih”. (Laporan Jawatankuasa Kabinet, hal. 1).

Ringkasnya, matlamat pendidikan ialah untuk melahirkan warganegara yang baik yang memiliki ciri-ciri bersatupadu, berdisiplin dan terlatih. Lebih lanjut lagi Laporan tersebut menghuraikan ciri-ciri seorang warganegara yang baik. Ciri-ciri tersebut ialah:

- (a) keazaman, kesanggupan dan kesediaan untuk hidup bersama dengan rukun dan damai serta mempunyai kesedaran, keperibadian dan nilai-nilai sebagai rakyat Malaysia;
- (b) menghormati dan mematuhi undang-undang serta peraturan, bersedia bekerja atau membuat sesuatu sehingga sempurna, menghormati hak-hak individu, mengamalkan tingkahlaku yang baik dan tidak menjejaskan kepentingan orang lain, menghormati dan mempunyai semangat memperbaiki keadaan secara membina, dan bersedia berkhidmat untuk negara;
- (c) boleh menyertai dengan berkesan dalam kegiatan pembangunan negara.

Untuk menjayakan pembentukan warganegara yang berdisiplin dan bertatasusila, Laporan Jawatankuasa Kabinet memperakukan supaya murid-murid bukan Islam diajar Pendidikan Moral dan Etika.

Pengajaran Pendidikan Islam pula diperbaiki serta diperkukuhkan. Ubahsuaian-ubahsuaian juga dilakukan dalam kurikulum untuk menemui dan memenuhi hasrat menghasilkan warganegara yang dapat memberi sumbangan kepada negara.

Selaras dengan perkembangan masyarakat dunia, masyarakat Malaysia juga mengalami proses perkembangan yang pesat dan mencabar. Justeru itu sistem pendidikan harus menerima cabaran tersebut kerana proses perkembangan sesuatu masyarakat sentiasa dikaitkan secara langsung dengan sistem pendidikan. Dalam konteks ini Laporan Jawatankuasa Kabinet menjelaskan:

“Untuk kepentingan pembangunan negara, tenaga rakyat yang diperlukan bukan sahaja perlu dilihat dari segi bilangan, jenis pengetahuan dan kemahiran yang dimiliki bahkan perlu dilihat dari segi nilai-nilai disiplin yang perlu diterima. Dari segi sikap, mereka jujur dan dedikasi terhadap kerja. Mereka bukan sahaja perlu cekap bahkan perlu boleh berfikir dan bertindak dengan baik sama ada secara sendiri mahupun secara beramai-ramai dengan berpandukan kepada punca-punca akhlak yang mulia. Tegasnya, individu yang dilahirkan dari sistem persekolahan negara perlu selaras dengan tujuan pembangunan kemanusiaan.”

Dengan mengambilkira pernyataan dan perakuan di atas, sistem pendidikan negara mesti digerakkan untuk menemui serta memenuhi cita-cita tersebut.

2. Falsafah dan Matlamat Pendidikan Negara

Dalam sistem pendidikan kebangsaan yang diamalkan sekarang, falsafah pendidikan tidak dinyatakan secara tersurat. Walau bagaimanapun, hasrat dan matlamat pendidikan negara telah dicerminkan dalam Penyata Razak, Laporan Rahman Talib, Akta Pelajaran 1961 dan Laporan Jawatankuasa Kabinet 1979. Dalam konteks pembangunan negara, sistem pendidikan kebangsaan ini dikaitkan pula dengan prinsip-prinsip Rukunegara. Keperluan untuk menyatakan Falsafah Pendidikan Negara secara tersurat telah lama disedari. Falsafah Pendidikan ini dapat menjadi cermin cita-cita dan keunggulan yang hendak diperjuangkan oleh rakyat negara ini.

Selaras dengan hasrat dan cita-cita ini Falsafah Pendidikan Negara dipernyatakan seperti berikut:

“ Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan

kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.”

Pernyataan falsafah ini menegaskan bahawa sistem pendidikan negara memberi penekanan kepada perkembangan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu ke arah melahirkan insan yang baik, berdasarkan kepercayaan, keyakinan serta kepatuhan kepada Tuhan. Ini bermakna Falsafah Pendidikan Negera berhasrat untuk melahirkan insan yang berpegang teguh kepada agama.

Berpandukan kepada Falsafah Pendidikan Negara, matlamat pendidikan ialah ke arah melahirkan insan yang baik dan sempurna. Insan yang baik iani secara automatik menjadi warganegara Malaysia yang baik. Mereka ini hendaklah memiliki serta menghayati ciri-ciri yang berikut:

- percaya dan patuh kepada Tuhan;
- berilmu pengetahuan;
- berakhlak mulia;
- bertanggungjawab kepada diri, masyarakat, agama dan negara;
- berbakti dan memberi sumbangan kepada masyarakat dan negara; dan
- memiliki sahsiah yang seimbang dan sepadu.

3. Huraian Falsafah Pendidikan Negara

Memperkembangkan Potensi Individu

Potensi ini ialah bakat dan kebolehan yang dimiliki oleh seseorang individu semenjak ia dilahirkan. Bakat dan kebolehan ini meliputi aspek-aspek intelek, rohani dan emosi, dan jasmani yang merupakan anugerah Tuhan. Bakat-bakat ini perlu dicungkil, diperkembangkan dan dipertingkatkan secara berterusan.

Menyeluruh dan Bersepadu

Kesemua bakat dan kebolehan yang ada pada diri individu hendaklah dikembangkan secara optimum. Pengembangan itu pula hendaklah dilakukan secara bergabung dan saling berkaitan di antara satu sama lain.

Insan yang Seimbang dan Harmonis

Manusia yang memiliki sahsiah yang sepadu apabila semua potensi dirinya dikembangkan secara selaras, menyeluruh dan harmonis.

ia menjadi insan yang sentiasa bersyukur, bersedia menerima segala ujian dan cabaran hidup serta sentiasa berikhtiar untuk mengatasi segala masalah yang dihadapi dengan tenang. Oleh kerana itu ia dapat menikmati ketenteraman dan ketenangan jiwa. Keseimbangan dan kesejahteraan yang dimiliki bukan sahaja bermanfaat pada dirinya, malahan ia tercermin dalam hubungannya dengan orang lain, dengan alam sekitaran dan dengan Maha Pencipta. Perhubungan-perhubungan ini tidak dihadkan oleh batas sempadan negaranya sahaja, malah ia menjangkau ke peringkat dunia dan antarabangsa.

Unsur Intelek

Unsur Intelek mengandungi aspek-aspek berikut:

- hikmah iaitu ilmu yang boleh membawa kepada kemakmuran;
- daya pemikiran yang kreatif dan inovatif;
- daya pemikiran yang logik dan analitis;
- ilmu yang bermanfaat.

Unsur Rohani dan Emosi

Unsur-unsur rohani dan emosi merangkumi aspek-aspek berikut :

- keyakinan terhadap Tuhan;
- kepercayaan beragama;
- kemantapan jiwa;
- penghayatan nilai-nilai murni dan norma masyarakat;
- berbudi pekerti mulia;
- berbakti dan berkorban

Unsur Jasmani

Ciri-ciri unsur jasmani ialah :

- kecergasan fizikal dan kesihatan diri;
- dapat menggunakan anggota dan tenaga fizikal sendiri untuk berdikari dan hidup bermasyarakat.

Kepercayaan dan Kepatuhan Kepada Tuhan

Usaha-usaha ke arah ini dapat melahirkan individu yang yakin bahawa manusia dan alam tidak terjadi secara tersendiri tetapi ada Penciptanya. Keyakinan ini pula menguatkan kepercayaan bahawa hukum-hukum alam adalah hukum-hukum Tuhan dan manusia dianjurkan mengkaji fenomena

alam. Manusia juga dituntut memikul amanah dan bertanggungjawab kepada Tuhan dalam mentadbir dan memakmurkan alam.

Rakyat Malaysia yang Berilmu Pengetahuan

- Masyarakat Malaysia yang berilmu pengetahuan memiliki sikap suka membaca serta cintakan ilmu pengetahuan.

Manusia yang memiliki sifat-sifat ini akan menggunakan ilmu tersebut untuk manfaat diri dan orang lain. Ini bermakna setiap individu mesti berusaha untuk menghayati prinsip pendidikan sepanjang hayat.

Rakyat Malaysia yang Berakhlak Mulia

- Masyarakat Malaysia yang baik budi pekertinya memiliki tingkah laku yang sopan, berdisiplin dan bersepadu.

Sifat-sifat mulia ini terbentuk dari dalam diri setiap rakyat. Sifat-sifat mulia ini juga mesti berteraskan ilmu, keyakinan dan amalan.

Rakyat Malaysia yang Bertanggungjawab

- Masyarakat Malaysia yang berpegang teguh kepada amanah dan mempunyai tanggungjawab yang tinggi terhadap Tuhan, bangsa dan negara.

Masyarakat ini adalah masyarakat yang produktif, bertanggungjawab dalam melaksanakan tugasnya dengan cekap, bersih dan amanah.

Rakyat Malaysia yang Berkeupayaan Menikmati Kesejahteraan Diri

- Masyarakat Malaysia yang memiliki jiwa yang damai dan tenteram. Ini membolehkan setiap individu memperkembang dan memanfaatkan seluruh potensi dirinya bagi memenuhi keperluan sendiri, keluarga, masyarakat, agama dan negara.

Rakyat Malaysia yang Dapat Memberi Sumbangan

- Masyarakat Malaysia yang terlatih dalam pelbagai kemahiran bagi melahirkan tenaga manusia yang produktif, berinisiatif dan berinovatif untuk mentadbirkan alam.

Masyarakat ini mampu menggunakan teknologi dengan cekap bagi mempertingkatkan daya pengeluaran ke arah pembangunan Negara.

Keharmonian dan Kemakmuran Masyarakat dan Negara

- Masyarakat Malaysia yang mengamalkan sikap toleransi di antara satu sama lain, bekerjasama, hormat-menghormati dan mencapai perpaduan kaum.

Dengan adanya perpaduan muncul keadaan yang aman, tenteram dan stabil. Suasana yang sihat dan positif membantu dan menjamin perkembangan ekonomi dan kemajuan di dalam semua bidang kehidupan.

4. Penutup

Falsafah Pendidikan Negara adalah teras kepada sistem pendidikan di negara ini. Falsafah ini digubal di atas kesedaran bahawa negara mesti mempunyai tuju hala dan matlamat yang benar dan tepat di dalam sistem dan rancangan pendidikannya. Selaras dengan Rukunegara, falsafah pendidikan ini turut menekankan prinsip kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Malah keseluruhan Falsafah Pendidikan Negara adalah berpaksikan keTuhanan.

Falsafah Pendidikan ini dimanifestasikan dalam diri insan yang memiliki ciri-ciri baik, seimbang dan harmonis. Dalam konteks yang lebih luas, insan yang baik, seimbang dan harmonis mencerminkan individu yang berilmu pengetahuan, luhur dan mulia dari segi rohani, sihat dan bersih dari segi mental dan fizikal serta dapat berbakti kepada agama, bangsa dan negara.

Pusat Perkembangan Kurikulum,
Kementerian Pendidikan.
Ogos 1988